



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

LAPORAN LIPUTAN MEDIA

Rabu, 14 Jun 2023

Program korban luar negara resahkan penternak tempatan

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
Utusan Malaysia	Dalam Negeri	33

Program korban luar negara resahkan penternak tempatan

Oleh MUHAMMAD SHAHIZAM TAZALI
utusannews@mediamula.com.my

ALOR GAJAH: Keadaan ekonomi yang belum pulih sepenuhnya dan program korban luar negara yang lebih murah menjadi antara punca kemerosotan permintaan lembu tempatan untuk ibadah korban tahun ini.

Ketika ditemui *Utusan Malaysia*, pemilik Ladang Fidlot Azfanur Enterprise, Siti Nur Fatimah Azman, 30, berkata, dia hanya menerima tempahan sebanyak 100 ekor lembu pada tahun ini berbanding 150 ekor tahun lalu.

Katanya, kebanyakan tempahan itu diterima daripada syarikat swasta, kerajaan negeri dan syarikat milik kerajaan (GLC) negeri.

"Permintaan lembu korban merosot pada tahun ini berikutan

kelembapan ekonomi termasuk kuasa beli rakyat yang semakin terhad. Tahun lalu permintaan lembu didorong oleh kebenaran pengeluaran Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP).

"Impak tersebut turut dirasai penternak lain sehingga menjejaskan perniagaan mereka. Ada antara mereka yang terpaksa menutup terus operasi ladang dan menjual semua ternakan kerana tidak mampu mendapat pulangan modal.

"Selain itu, kami juga terpaksa bersaing dengan program korban di luar negara yang menawarkan harga jauh lebih murah," katanya ketika ditemui.

Sementara itu, mengenai permintaan lembu sado yang turut dibela di ladangnya, Siti Nur Fatimah berkata, setakat ini belum ada tempahan untuk baka berkenaan susulan harganya yang mahal berbanding lembu biasa.

Menurutnya, ramai yang berminat untuk membeli namun tidak meneruskan hasrat itu setelah dimaklumkan tentang harga.

"Ada yang bertanya harga, apabila saya beritahu, mereka kata mahal. Pembeli kena faham harga lembu sado memang mahal iaitu antara RM10,000 hingga RM15,000 untuk berat 600 kilogram (kg) ke atas berbanding lembu baka Brahman yang berharga RM8,000 untuk berat 300 hingga 400 kg.

"Tahun lepas saya jual seekor lembu sado untuk korban yang berharga RM25,000 dengan berat 1,200 kg. Harga lembu sado di Malaysia masih mahal kerana bakanya tidak banyak, tetapi harganya lebih murah di luar negara seperti Thailand dan Indonesia," ujarnya yang menternak baka Limousine, Charolais dan Blue Belga.



SITI Nur Fatimah Azman memberi makan lembu untuk ibadah korban di ladang ternakannya di Kampung Ayer Hitam Darat, Tanjung Bidara, Melaka. - UTUSAN/MUHAMMAD SHAHIZAM TAZALI

70kg daging kerbau dari India dirampas di pelabuhan

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
Kosmo	Negara	16



SEBANYAK 37 kotak daging kerbau dari India dirampas di Pelabuhan Pasir Gudang, Johor kelmarin.

740kg daging kerbau dari India dirampas di pelabuhan

JOHOR BAHRU - Sebanyak 740 kilogram (kg) daging kerbau dari India bernilai RM11,700 yang diletakkan di dalam sebuah kontena dirampas di Pelabuhan Pasir Gudang, di sini kelmarin.

Pengarah Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Magis) Johor, Edie Putra Md. Yusof memberitahu, daging kerbau tersebut ditemui di dalam 37 kotak.

Menurutnya, pemeriksaan di-

buat mendapati, nama pengimport tidak sama seperti yang dinyatakan pada sijil halal yang dikeluarkan.

"Semasa pemeriksaan dijalankan, Pegawai Penguasa Magis menjumpai 37 kotak daging kerbau yang mempunyai tarikh penyaliran, tarikh pembuat, tarikh luput di dalam sebuah kontena dari India, namun rekod tidak selari dengan dokumen.

"Kes disiasat di bawah Seksyen 13 Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728) kerana memberi perakuan atau dokumen lain yang tidak tepat dan mengelirukan," katanya dalam satu kenyataan, di sini semalam.

Tambahnya, seorang lelaki tempatan berusia 30-an yang bertindak sebagai ejen pengangkutan telah ditahan untuk diambil keterangan sebelum dilepaskan.

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
Kosmo	K2	29



PENDEKATAN itu dipercayai dapat mengawal populasi global kucing yang semakin tidak terkawal mutakhir ini. — GAMBAR HIASAN

Suntikan ganti bedah mandulkan kucing

PEMBEDAHAN kecil untuk memandulkan kucing bakal menjadi sejarah apabila perkara itu kini boleh dilakukan menerusi satu suntikan.

Menurut penyelidik prosedur yang dikenali sebagai terapi gen itu, ia akan dilakukan dengan menyuntik pada kucing betina bagi menghalangnya daripada bunting meskipun selepas mengawan dengan jantan yang subur.

Kata ahli biologi pemuliharaan di Zoo & Botanical Garden Cincinnati, Amerika Syarikat, Bill Swanson, taktik itu, jika ia bertahan dalam ujian lanjut, boleh menawarkan cara yang lebih cekap

Infiniti

Skop sains

untuk mengawal populasi global kucing liar yang berjumlah ratusan juta.

"Kami suka kucing domestik, tetapi jika berlebihan boleh memberi kesan negatif kepada alam sekitar.

"Setiap tahun, kucing berkeliaran bebas di seluruh dunia mungkin membunuh berbilion burung dan mamalia kecil," katanya.

Tambahnya, memandulkan kedua-dua kucing liar dan kucing peliharaan boleh membantu dalam usaha memastikan populasi kucing serta

mangsa mereka terkawal.

Eksperimen terapi gen menyasarkan hormon anti-Muellerian juga dikenali sebagai bahan perencatan Mullerian, protein yang membantu perkembangan organ seks janin.

Selepas suntikan, virus yang diubah suai menjadi gen, ia membentuk hormon ke dalam sel kucing.

Sel-sel kemudiannya membuat lebih banyak hormon anti-Muellerian daripada biasa. Tahap protein yang tinggi boleh menghalang ovari kucing daripada mengeluarkan telur dengan mengekalkan folikel struktur yang menempatkan atau melepaskan telur dalam keadaan tidak aktif.

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
Sinar Harian	Nasional	20

IFPSB, PTPPG tandatangani MoA bina empayar bekalan ayam

SHAH ALAM - Global Ikhwan Services & Business Holdings (GISBH) menerusi Ikhwan Fateh Poultry Sdn Bhd (IFPSB) menandatangani memorandum perjanjian (MoA) bersama PT Putra Perkasa Genetika (PTPPG) sebagai usaha dalam membina empayar bekalan ayam di negara ini.

Pergerusi Eksekutif GISBH, Nasiruddin Mohd Ali berkata, usaha itu secara langsung dapat mewujudkan tabungan bekalan ayam dalam negara sekali gus membantu kerajaan dari segi keterjaminan makanan.

"Di GISBH ini kami telah buat penyelidikan, cari pengalaman berkenaan hal ayam ini sudah lebih lima tahun termasuk lihat di Turkiye, Mesir (pengurusannya). Rupanya baka ayam tidak ada orang Islam menguruskan.

"Empayar ayam itu maksudnya kita ada bekalan dan makanan, maknanya itu milik kita. Macam Eropah dan sebagainya, mereka ada (ayam) milik mereka sendiri, tetapi atas nama orang Islam, kita tidak ada.

"Jadi ini cita-cita dalam GISB untuk mewujudkan empayar ayam yang se-

karang kita dah berjalan hampir 90 peratus dan tunggu kelulusan daripada kerajaan Malaysia sahaja," katanya kepada *Sinar Harian* pada Isnin.

Ujar beliau, perjanjian itu disaksikan sendiri oleh Menteri Pertanian Republik Indonesia, Dr Syahrul Yasin Limpo di sebuah hotel di Kota Padang, Sumatera Barat, Indonesia pada Jumaat.

Menurutnya, MoA itu juga bagi mengelakkan harga ayam dimonopoli oleh golongan kapitalis di negara ini.

"Sebagai orang Islam, kita boleh kawal harga dan bagi (bekalan ayam) kepada semua orang, bukan seperti syarikat kapitalis. Sesetengah orang bila ada lebihan ayam, mereka bakar ayam dan sebagainya itu kita pernah dengar.

"Dalam Islam, kalau ada lebih maknanya kita ada tabungan ayam. Kita dah senaraikan nama orang miskin, kita bagi (anak ayam) pada mereka, buat macam penternakan ayam kontrak.

"Lepas itu, kita bagi makanan dan sebagainya, mereka tinggal jaga (anak ayam) saja. Kemudian kita ambil balik, jadi tidak ada sebab kenapa kita perlu bakar anak-anak ayam," ujarnya.



Nasiruddin (tiga dari kiri) bersama Direktur Utama PT Putra Perkasa Genetika, Renaldy Anggada (dua dari kanan) menunjukkan MoA yang ditandatangani oleh mereka dalam Temu Koordinasi dan Penandatanganan Komitmen Bersama Mitra Pembiayaan dan Pelaku Usaha Agribisnis baru-baru ini.

Kerajaan Selangor disaran wujud polisi khas pelihara kucing, anjing

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
Sinar Harian	Nasional	21

Kerajaan Selangor disaran wujud polisi khas pelihara kucing, anjing



MOHD NOOR AZHREEN

SHAH ALAM - Kerajaan negeri Selangor disarankan agar mewujudkan polisi khas kepada individu yang ingin mengambil kucing atau anjing sebagai haiwan peliharaan.

Aktivis haiwan jalanan, Mohd Noor Azhreen Shari berkata, langkah itu lebih wajar berbanding menyekat atau melarang penjualannya supaya dapat mengelak penganiayaan serta eksploitasi haiwan.

"Anjing jalanan biasanya terdedah dengan penyakit sehingga mampu mengancam nyawa manusia dan mereka yang ingin mengambil haiwan jalanan akan mengeluarkan kos yang banyak antaranya perbelanjaan vaksin, proses memandulkan haiwan dan sebagainya.

"Jika dibeli di kedai haiwan terdapat eksploitasi di mana kucing-

kucing ini dijual dengan harga yang mahal kerana mempunyai baka yang unik dan penjagaan yang rapi," katanya ketika dihubungi pada Selasa.

Pada 12 Jun lalu, Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Pengangkutan Awam dan Pembangunan Kampung Baharu Selangor, Ng Sze Han berkata, terdapat rancangan untuk melarang semua kedai haiwan peliharaan di Selangor daripada menjual kucing dan anjing bagi menggalakkan orang ramai mengambil haiwan peliharaan dari pusat perlindungan.

Ia bertujuan membantu negara mengurangkan kadar pembuangan haiwan peliharaan dan sekali gus menyokong pengambilan haiwan di pusat perlindungan sedia ada tanpa perlu melibatkan sebarang kos pem-

belian yang tinggi.

Dalam pada itu, Mohd Noor Azhreen berkata, langkah larangan itu tidak mengurangkan sepenuhnya pembuangan haiwan, tetapi kerajaan negeri perlu menyediakan rang undang-undang terhadap mereka yang mengabaikan haiwan peliharaan.

Tambahnya, kempen kesedaran secara menyeluruh adalah penting bagi memupuk masyarakat mencintai haiwan dan bukan melakukan pengabaian sehingga menganiaya kucing atau anjing.

"Kesedaran ini penting bagi mereka membuat pilihan sama ada ingin memiliki haiwan peliharaan dari kedai haiwan atau mengambil kucing dan anjing jalanan untuk dijaga," katanya.

Remaja maut langgar kerbau

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
Sinar Harian	Negeri Kelantan/Pahang/Perak	23



Motosikal yang ditunggang salah seorang mangsa rosak selepas terlanggar sekumpulan kerbau yang berkeliaran di atas jalan raya di Air Kuning. Tapah pada Ahad.

Remaja maut langgar kerbau

TAPAH - Seorang remaja lelaki maut manakala tiga yang lain cedera selepas motosikal yang ditunggang mereka terlanggar sekumpulan kerbau di Kilometer 2, Jalan Sungai Kroh- Air Kuning di sini, Ahad lalu.

Dalam kejadian sekitar jam 1.30 pagi itu, mangsa, Mohamad Haddrie Naim Azmi, 19, yang menunggang skuter jenis Yamaha Avantis Ego disahkan maut di tempat kejadian.

Ketua Polis Perak, Datuk Seri Mohd Yusri Hassan Basri berkata, siasatan awal mendapati keempat-empat penunggang dalam perjalanan dari arah Kampung Gajah menuju ke Air Kuning.

"Apabila sampai di tempat kejadian

terdapat sekumpulan kerbau berada di atas jalan raya.

"Oleh kerana jalan yang terlalu gelap dan tiada lampu jalan, kesemua mangsa telah melanggar kerbau lalu jatuh atas jalan," katanya dalam satu kenyataan di sini pada Selasa.

Menurutnya, tiga penunggang lain berusia 14, 16 dan 21 tahun yang mengalami kecederaan telah dihantar ke Hospital Kamper untuk mendapatkan rawatan.

"Mayat mangsa pula dibawa ke Unit Forensik, Hospital Tapah untuk dibedah siasat bagi mengetahui punca sebenar kematian.

"Siasatan lanjut dijalankan mengikut

Seksyen 41(1) Akta Pengangkutan Jalan 1987," katanya.

Mohd Yusri berkata, penternak yang sengaja melepaskan ternakan sehingga berlaku kemalangan boleh didakwa mengikut Seksyen 268 Kanun Keseksaan kerana mendatangkan mudarat awam kerana haiwan.

"Jika sabit kesalahan, penternak boleh dihukum penjara enam bulan dan denda RM2,000 atau kedua-duanya sekali.

"Penternak diingatkan agar lebih bertanggungjawab dengan tidak membiarkan haiwan mereka berkeliaran di jalan raya hingga menyebabkan kemalangan," katanya.

Maqis rampas 740 kg daging kerbau dari India

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
Sinar Harian	Negeri Johor/Selangor/KL	26

Maqis rampas 740 kg daging kerbau dari India



Daging kerbau dari India yang dirampas Maqis di Pelabuhan Pasir Gudang pada Isnin.

PASIR GUDANG - Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) menyita 740 kilogram (kg) daging kerbau dari India bernilai RM11,700 di Pelabuhan Pasir Gudang pada Isnin.

Maqis dalam kenyataan berkata, rampasan itu hasil pemeriksaan rutin yang dilakukan oleh pegawai penguasa pada jam 5 petang.

"Hasil pemeriksaan telah menemui sebanyak 37 kotak daging kerbau di dalam satu kontena.

"Kesemua kotak tersebut mempunyai tarikh penyembelihan, tarikh pembuatan, tarikh luput dan nama pengimport yang tidak sama seperti yang dinyatakan pada

sijil halal yang dikeluarkan.

"Seorang lelaki tempatan berusia 30an yang bertindak sebagai ejen penghantaran diambil keterangan untuk membantu siasatan," katanya dalam kenyataan pada Selasa.

Kes disiasat mengikut Seksyen 13 Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728) kerana memberikan maklumat mengelirukan dalam pengimportan di bawah akta ini.

Sabit kesalahan boleh didenda tidak melebihi RM50,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
Berita Harian	Agama	24

Islam sedia kaedah penyembelihan sempurnakan ibadah korban



Pensyarah Kanan Sosio-Perundangan Islam, Program Sarjana Sains Kelestarian, Jabatan Pengajian Sains dan Teknologi, Fakulti Sains, Universiti Malaya

Oleh Dr Mohd Istajib Mokhtar
bhagama@bh.com.my

Ibadah korban sangat sinonim dengan interaksi manusia dengan haiwan, khususnya haiwan ternakan. Ibadah korban adalah sembelihan haiwan seperti unta, lembu dan kambing dilakukan pada Aidiladha bermula 10 Zulhijjah dan hari tasyrik iaitu 11, 12 dan 13 Zulhijjah.

Terdapat pelbagai salah tanggapan terhadap ibadah korban, terutama bagi orang bukan Islam seperti mendakwa ritual itu sebagai penyiksaan dan tindakan kekejaman terhadap haiwan. Hakikatnya, Islam tidak pernah mengajur umatnya bertindak kejam dan menyiksa haiwan.

Islam adalah agama yang meletakkan kedudukan haiwan sesuai pada tempatnya. Tanpa menafikan manusia adalah sebaik-baik makhluk menurut konsep 'ahsani taqwin' seperti termaktub dalam Surah al-Tin, ayat keempat.

Namun, Islam juga sebenarnya meletakkan haiwan sebagai makhluk ciptaan Allah seperti dijelaskan dalam Surah al-An'am, ayat 38 bermaksud: "Dan tidak ada seekor haiwan pun di bumi dan burung terbang dengan kedua-dua sayapnya, melainkan sesuatu yang kami (juga) seperti kamu (manusia). Tidak ada sesuatu pun yang kami tinggalkan dalam kitab, kemudian kepada Tuhan mereka dikumpulkan."

Ibadah korban disyariatkan antara lain untuk memperingati peristiwa Nabi Ibrahim diperintahkan Allah SWT mengorbankan anaknya, Nabi Ismail. Allah berfirman bermaksud: "Wahai anak kesayanganku sesungguhnya aku melihat dalam mimpi aku akan menyembelihimu, maka apa pandanganmu?" Anaknyanya menjawab: "Wahai ayah jalkanlah apa diperintahkan kepadamu, insya Allah ayah akan mendapati aku dari orang sabar." (Surah al-Saffat, ayat 102)

Antara hikmah peristiwa ini sebenarnya untuk memperkuat lagi hubungan manusia dengan Allah, hubungan manusia sesama manusia dan hubungan manusia terhadap haiwan.

Berdasarkan penyelidikan, terdapat lebih 60 hadis Nabi Muhammad SAW boleh dijadikan garis panduan atau etika melayani haiwan. Namun, secara ringkasan, terdapat lima prinsip etika utama dapat dihasilkan daripada analisis hadis tersebut.

Prinsip itu adalah kelembutan dan kebajikan terhadap haiwan; penjagaan haiwan dalam kurungan; penyediaan makanan mencukupi; pencegahan penyiksaan dan kekejaman serta penyediaan rawatan kesakitan. Berdasarkan prinsip ini, jelas menunjukkan Islam sentiasa mengambil berat kebajikan haiwan.

10 etika penyembelihan dalam Islam

Bagi tujuan sembelihan, Islam menggariskan panduan etika komprehensif bagi memastikan kesakitan dialami haiwan adalah minimum. Sekurang-kurangnya terdapat 10 garis panduan atau etika Islam dalam urusan penyembelihan haiwan korban:

- Seseorang hendaklah berniat menyembelih untuk tujuan dimakan, bukan sekadar mahu membunuhnya semata-mata. Jika seseorang memukul binatang dengan alat tajam lalu terkenas tempat sembelihan dengan niat membunuh bukan menyembelih, maka binatang itu haram dimakan.

- Seseorang hendaklah menyebut nama Allah (tasmiyah) ketika menyembelih, disunatkan menyem-

but 'bismillahi wallahu akbar'. Amalan ini menunjukkan penyembelihan dilakukan kerana Allah dan bukan kerana nafsu.

- Penyembelih dan haiwan sembelihan disunatkan menghadap kiblat kerana korban adalah ibadat.

- Disunat melakukan sembelihan pada siang kerana ditakuti berlaku kesilapan jika dilakukan pada waktu malam kerana kegelapan.

- Kedudukan haiwan ketika disembelih mesti dalam keadaan sebaiknya. Disunatkan juga untuk membaringkan binatang di atas rusuk kiri dengan lembut dan kepalanya diangkat sedikit. Harus dibaring di rusuk kanan sekiranya sukar untuk melakukan penyembelihan.

- Penyembelih yang kekok menyembelih, sunat digantikan dengan orang lebih mahir supaya tidak menyakiti binatang sembelihan.

- Urat leher binatang sembelihan juga hendaklah diputuskan segera. Makruh memutuskan sebahagian dan meninggalkan sebahagian lain.

- Sembelihan hendaklah tidak sampai ke saraf tunjang. Makruh memutuskan kepala daripada badannya yang akan menyiksa dan menambah kesakitan pada haiwan.

- Pisau diguna perlu tajam bagi melancarkan sembelihan sebelum membaringkan binatang sembelihan dan tidak diasah di hadapan binatang terbahit kerana ia mengetahui alat boleh mencederakannya.

- Penyembelih disunatkan berlembut terhadap binatang sembelihan dengan tidak memukul, ditarik kaki dan dipijak kerana hanya akan menambah penderitaannya.

Daripada Anas RA dia berkata: "Nabi Muhammad SAW menyembelih dua kambing berwarna putih mempunyai dua tanduk. Saya melihat Baginda SAW meletakkan kambing itu di bawah dua kakinya dengan menyebut Allah dan bertakbir dan Baginda menyembelih dengan tangannya."

Dalam al-Quran terdapat banyak ayat berkaitan haiwan, malah ada pelbagai surah dinamakan dengan nama haiwan seperti al-Baqarah (sapi), al-Nahl (lebah), al-Ankabut (labah-labah) dan al-Naml (semut). Daripada ayat dan surah tersebut, dapat difahami haiwan adalah makhluk Tuhan dicipta dengan pelbagai manfaat dan hikmah kepada manusia sama ada secara fizikal mahupun spiritual.

Secara fizikal, haiwan dicipta untuk dijadikan sumber makanan dan kemudahan pengangkutan kepada manusia. Secara spiritual pula, haiwan adalah makhluk beribadat dan berzikir kepada Tuhan.

Islam teguh menyeksa haiwan

Hikmah penciptaan haiwan ini menunjukkan Islam sememangnya agama seimbang secara fizikal mahupun spiritual dalam segenap aspek kehidupan termasuk berkaitan interaksi manusia dengan haiwan.

Justeru, jangan kita menjadi terlalu ekstrem terhadap haiwan sama ada dijadikan tunggangan atau untuk bekerja sehingga melakukan penyiksaan atau terlalu ekstrem menyayangi haiwan sehingga haiwan ternakan halai dimakan ditegah pula daripada dimakan.

Pendekatan bersederhana dan seimbang berasaskan panduan agama sentiasa menjadi amalan terbaik dalam semua perkara termasuk dalam urusan korban yang amat dicintai Allah SWT seperti dijelaskan menerusi hadis.

Daripada Aisyah RA, Nabi Muhammad SAW bersabda maksudnya: "Tidak ada amalan anak Adam daripada amal pada hari Raya Uthiyah lebih disukai Allah daripada mengalirkan darah binatang korban. Sesungguhnya ia akan datang pada hari kiamat dengan tanduknya dan bulunya serta kukunya dan sesungguhnya darah korban akan diterima Allah sebelum menitis ke bumi." (HR Tirmizi)

Hakikatnya, Islam tidak pernah mengajur umatnya bertindak kejam dan menyeksa haiwan. Islam adalah agama meletakkan kedudukan haiwan sesuai pada tempatnya



-No laws to police backyard breeders -Unlicensed breeders hide operations -Onus is on owners to care for their pets, says shop owner

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
The Star	Nation	4

No laws to police backyard breeders

'If requirements are being met under the current law, little can be done'

By WANI MUTHIAH
wani@thestar.com.my

KLANG: There are currently no specific laws in Malaysia to regulate backyard animal breeders that supply animals for the pet trade, says Dr Saravanan Kumar S. Pillai, a former Veterinary Services Department (DVS) senior deputy director.

Dr Saravanan Kumar, who is currently the Humane Society International's (HSI) senior adviser, said some pet shops offered puppies bred by professional breeders, along with others that came from "questionable sources".

"If you go to some of these pet shops, you'll find there are puppies that come from professional breeders, which are sold at quite an expensive rate."

"You'll know who the breeders are as well as the puppy's lineage and you will be issued a certificate for the puppy upon purchase," he said, adding that these shops would also probably have another set of pedigree puppies that were sold at a lower price.

Dr Saravanan Kumar was responding to a Selangor government proposal to ban all pet stores in the state from selling cats and dogs in



Poor doggy: Most pedigree dogs that end up at shelters are likely from questionable breeders and most will present with some health issue.
— WANI MUTHIAH/The Star

order to encourage the public to adopt pets from shelters.

On Monday, Selangor local government, public transportation and new village development committee chairman Ng Sze Han said the state was in the midst of finalising the plan to ban all pet stores from selling cats and dogs.

"If all local councils carry out such programmes, we can help reduce the pet abandonment rate," he said at a forum on the management of neglected dogs in Selangor.

Dr Saravanan Kumar said: "Unfortunately, there aren't any specific laws to take action against these backyard breeders and puppy mills unless the Animal Welfare Act 2015 (AWA 2015) is applied for cruelty, and for this, there has to be sufficient evidence of mistreatment."

"Under the AWA 2015, breeding activities require licensing, and if they don't have one, they can be booked for that."

However, apart from meeting

the cage and cleanliness specifications outlined in AWA 2015, there are regulations dictating how pet stores should source for the animals they put up for sale.

Some industry stakeholders welcomed Selangor's proposal, with dog trainer Carlos Huertas saying backyard breeding and puppy mills were a big problem not only here but in other parts of the world as well.

"It is all because people want to buy pedigree, but want it cheap."

"Those who want to buy pedigrees must go and get them directly from licensed breeders who ensure that quality is maintained and no in-breeding is carried out," said Huertas.

He added that puppies from backyard breeders that were the result of a lot of inbreeding often came with various health and behavioural problems.

Because of this, there are some owners who even dump store-bought pets because they cannot handle their destructive behaviour.

However, he added that even though Selangor's ban might be realised, nothing could be done to curb online sales of canines from illegal facilities.

"There are so many of these people selling their puppies and kittens online these days, and buyers often end up with animals that have physical and mental defects due to inbreeding," he said.

According to Huertas, those who dump their puppies and kittens are also those who buy them cheap online.

"If you pay a good price and get a properly and ethically bred puppy or kitten, you will not be dumping them," he said.

Paws Animal Welfare Society kennel manager Edward Lim concurred, saying that all the pedigrees that ended up at the shelter were those bought from questionable sources.

"If they were from licensed and professional breeders, they would have been microchipped with the breeder's details."

"The pedigrees that come to us are all not microchipped," he said, adding that most of the pedigree animals that ended up on the streets were toy breeds such as shih tzu, poodle and pomeranian.

Besides having behavioural problems, they are also brought in with various ailments, injuries and physical deformities.

Unlicensed breeders hide operations

KLANG: It is very difficult to seek out unlicensed pet breeders because they tend to camouflage their operations well and are very elusive.

"These puppy mills and backyard breeders are usually under the radar," said animal activist Joanne Low, who has been helping animals in distress for over 30 years.

"So, how do I nab them or find out if they are legit or not?" asked Low, who recalled how she came across a woman seeking help to rescue some dogs she stumbled upon when visiting a plant nursery in 2019.

"When I arrived at the location, I found a decent-looking landscaping business."

"When I walked to the back, I was horrified to see the plight of the dogs that were kept there for breeding."

She said there were a couple of workers at the landscaping side, but no one at the filthy and smelly kennel area.

"I removed all the dogs. There were nine poodles and a husky."

"The dogs had bad skin conditions and matted hair, and you could tell they were indiscriminately used for breeding."

According to Low, all the rescued dogs were very timid and frightened of people and would yelp and cry when touched.

"The breeders must also have been thrashing the dogs," she said, adding that it took time and patience to get around the rescued dogs, which had all since been rehomed.

Many backyard breeders and puppy mills are not only supplying pets to unscrupulous stores but are also conducting a thriving business online.



Heart-wrenching: The dogs rescued by Low from behind a landscaping nursery in Sungai Buloh.
— WANI MUTHIAH/The Star

However, not all purchases have happy endings.

Chris Chen, 39, and Zach Chiang, 40, fell in love with a cute pomeranian that was put up for sale on Facebook.

They contacted the seller and bought the two-month-old puppy

for RM2,500 on May 18.

"The puppy was sick and listless the following day and when we contacted the seller, she told us to feed it the supplements that she had sold us together with homemade feed," said Chen.

When the puppy did not show

any improvement, the couple took it to several vets, but it died less than two weeks after they bought it.

"The vet said the puppy showed all the signs of being infected with (canine) parvovirus," said Chen, who lodged a police report.

Onus is on owners to care for their pets, says shop owner

By SHEILA SRI PRIYA
sheilasripriya@thstar.com.my

PETALING JAYA: Ban on the sale of dogs and cats at pet shops is unnecessary as most pet sellers are responsible and passionate in what they do, says pet shop owner Azman Khan Ali Khan.

He said advocating for the adoption of pets was welcomed, though it might also result in more pet dumping.

"When people buy these purebred pets between RM2,000 and RM7,000, they will not dump them by the roadside."

"Adoption of pets is good but the motivation to care for it will be less too because very little money was spent to adopt it in the first place. Abandoning them would not hurt their wallet."

"The problem lies with the pet owner. Many do not know the commitment they take on when they adopt a pet."

"It is like raising a child. You must vaccinate them, take them to the clinic, bring them for walks, and take good care of them."

"It is costly too, especially their food, medical needs and grooming, if necessary," he said.

Azman added that the country had many pet lovers and animal advocates in the non-governmental sectors who were always quick to spot anything amiss at the shops.

"We cannot run away from the animal lovers. If they smell anything fishy at the pet shops, they will report to the authorities quickly."

"We pet shop owners care for our animals too and ensure they are ethically bred," said Azman, who owns AK Snake Legend World, an outlet that sells cats, corn snakes and sugar gliders.

Meanwhile, an animal lover, Dr Yabitha Vasavan, said she hopes the idea would be implemented in Johor too.

"I'd like to see this in Johor as well. I think some registered shops may be allowed to sell pets, but they should be registered, and the pets they're selling should come from legitimate breeders."

"I advocate adoption, and not shopping for pets," she said.

Meanwhile, Samantha Ng said the sale of pets on social media and the online sales platforms should be banned as well.

"Many buyers are going to go

directly to breeders, and that will make it worse for the breeding stock of female dogs and cats."

"If you want to ban, then go all the way, including online. Then true pet lovers will not mind adopting local mixed breeds and mongrels."

"Many pet owners, despite buying pure-breds, also put them up for adoption when they find the pets troublesome."

"When their pets need high maintenance, become sickly and have high veterinary bills, some owners just send them to the pound," she said.

Maqis rampas 740kg daging kerbau dari India

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
Sinar Harian	Semasa	Online

Maqis rampas 740kg daging kerbau dari India

oleh NOR AZURA MD AMIN 13 Jun 2023



Daging kerbau dari India yang dirampas Maqis di Pelabuhan Pasir Gudang pada Isnin.- Foto Maqis

PASIR GUDANG - Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) menyita 740 kilogram (kg) daging kerbau dari India bernilai RM11,700 di Pelabuhan Pasir Gudang pada Isnin.

Maqis dalam satu kenyataan memaklumkan, rampasan itu hasil pemeriksaan rutin yang dilakukan oleh pegawai penguasa pada jam 5 petang.

"Hasil pemeriksaan telah menemukan sebanyak 37 kotak daging kerbau di dalam satu kontena. "Kesemua kotak tersebut mempunyai tarikh penyembelihan, tarikh pembuatan, tarikh luput dan nama pengimport yang tidak sama seperti dinyatakan pada sijil halal dikeluarkan. "Seorang lelaki tempatan berusia 30-an yang bertindak sebagai ejen penghantaran diambil keterangan untuk membantu siasatan," katanya dalam kenyataan pada Selasa. Kes disiasat mengikut Seksyen 13 Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728) kerana memberikan maklumat mengelirukan dalam pengimportan di bawah akta tersebut. Sabit kesalahan boleh didenda tidak melebihi RM50,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

-TERIMA KASIH-

DISEDIAKAN OLEH:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT (UKK)

JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR